

21 MAY 1999

Hamid-China

M'SIA-CHINA TANDATANGANI PERJANJIAN KERJASAMA LEBIH LUAS

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Malaysia dan China, yang meraikan ulangtahun ke-25 hubungan diplomatik hari ini, akan menandatangani perjanjian kerjasama lebih luas bagi mengukuhkan lagi hubungan rapat yang terjalin.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar akan berkunjung ke China selama lima hari mulai 30 Mei dan akan menandatangani perjanjian itu, yang akan berupa rangka kerjasama yang lebih menyeluruh berbanding perjanjian-perjanjian sedia ada yang khusus bagi sesuatu bidang.

"Rangka kerjasama dua hala ini merangkumi pelbagai bidang yang luas dan menyeluruh termasuk melibatkan perdagangan dan politik," katanya pada persidangan berita selepas majlis meraikan ulangtahun ke-25 kewujudan hubungan diplomatik itu di sini malam ini.

Hubungan diplomatik Malaysia dengan China dirintis oleh Perdana Menteri Malaysia yang kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, yang merupakan Perdana Menteri dari Asean yang pertama mengadakan lawatan bersejarah ke China pada Mei 1974.

Pada majlis itu Malaysia dan China memperingati sumbangan dan jasa Allahyarham Tun Abdul Razak dengan menyampaikan anugerah khas yang diterima oleh isteri beliau Tun Hajah Rahah Tan Sri Mohd Noah.

Syed Hamid berkata berkat usaha yang dirintis oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, Malaysia dan China kini dapat berbangga menikmati hubungan baik berdasarkan prinsip saling menghormati, persamaan, hubungan yang aman dan kejiranan yang baik.

Mengenai isu tuntutan bertindih kepulauan Spratly di Laut China Selatan oleh banyak negara termasuk Malaysia, beliau berkata kedua-dua negara percaya bahawa apa juga penyelesaian yang bakal diambil akan dibuat dengan mengutamakan rundingan secara aman dan tidak sekali-kali menggunakan kekerasan.

"Kita sentiasa percaya bahawa China dan negara-negara lain juga bersetuju dengan pendekatan yang mengutamakan cara aman dan tidak melibatkan kekerasan," katanya.

Beliau berkata China merupakan negara sahabat yang penting bagi Malaysia termasuk dari segi pasaran kerana perdagangan dua hala Malaysia-China berjumlah kira-kira RM15 bilion yang memberi kelebihan kepada Malaysia selain pelabur dari China juga mula bertumpu ke Malaysia.

Dalam ucapannya sebelum itu, Syed Hamid berkata Malaysia memandang ke hadapan dengan yakin dapat mempertingkatkan lagi hubungan dua hala dengan China dan mempercayai bahawa dengan potensi yang ada, lebih banyak yang boleh dilakukan pada alaf akan datang.

Menurutnya Malaysia yang melihat China sebagai kuasa ekonomi yang semakin meningkat dan pasaran yang berpotensi dan menguntungkan bagi produknya, komited menyediakan rangkakerja yang boleh meliputi semua bidang dalam kerjasama dua hala itu.

"Sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, kita juga memandang tinggi peranan penting yang dimainkan oleh China dalam mempromosikan keamanan dan kestabilan di rantau ini dan dunia keseluruhannya," katanya.

Malaysia berharap China akan terus memainkan peranan yang konstruktif dan bertanggungjawab, katanya.

Duta China ke Malaysia Guan Dengming berkata sepanjang tempoh 25 tahun, hubungan China-Malaysia sebagai jiran yang baik dan persahabatan telah

diperkukuhkan secara berterusan dan banyak perkembangan dicapai dalam pertukaran dan kerjasama dalam pelbagai bidang.

"Dalam hubungan antarabangsa dan serantau, kedua-dua negara berkongsi minat yang sama dan telah dapat mengekalkan kerjasama," katanya sambil menambah kata bahawa kerajaannya menghargai sumbangan yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin-pemimpin Malaysia yang lain.

Menurut Dengming memandangkan situasi dunia semakin berubah, kewujudan hubungan jangka panjang dan kestabilan, saling percaya mempercayai dan kerjasama tidak hanya terhad kepada prinsip-prinsip asas China dan Malaysia, tetapi juga kondusif kepada keamanan dan pembangunan di Asia dan dunia keseluruhannya.

-- BERNAMA

MNY LAT